

Penerimaan Aplikasi Cakeculator dalam Kalangan Penduduk Mukah

Muhammad Ashraf^{1,*}, Goh Si Ying¹, Nurul Fathun Nisa¹, dan Shatila Shani¹

¹Jabatan Perdagangan, Politeknik Mukah Sarawak, KM 7.5, Jalan Oya, 96400 Mukah, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: shatila_shani@pmu.edu.my

Abstrak

Cakeculator merupakan satu aplikasi untuk mengira harga bahan yang digunakan untuk membuat kek. Kajian ini bertujuan untuk menilai kebolegunaan dan kesan aplikasi mudah alih *Cakeculator* dalam kalangan penduduk Mukah. Tinjauan awal mengalami usahawan kecil di Mukah mengalami kesukaran dalam mengira jumlah harga yang telah digunakan untuk membuat kek. Sehubungan itu, menyebabkan mereka sukar untuk menetapkan harga jualan kek yang bersesuaian. Oleh kerana itu, aplikasi *Cakeculator* telah terhasil. *Cakeculator* merupakan satu aplikasi yang boleh digunakan untuk mengira harga bahan yang boleh digunakan untuk membuat sebuah kek. Aplikasi ini telah dirangka menggunakan *Microsoft Excel* dan *Microsoft Powerpoint* sebelum dicipta dalam *MIT App Inventor*. Untuk menilai perisian ini, kaedah tinjauan telah dipilih dengan menggunakan instrumen soal selidik yang telah diedarkan melalui platform *Whatsapp* dan Telegram secara rawak kepada warga Mukah. Hasil dapatan kajian ini mendapati semua *responden* berpuas hati terhadap aplikasi yang akan dibangunkan ini.

Kata kunci: - *cakeculator, penetapan harga, aplikasi*

1. Pengenalan

Cakeculator merupakan satu aplikasi untuk mengira harga bahan yang digunakan untuk membuat kek. Dengan terciptanya aplikasi ini akan memudahkan, pengguna untuk menetapkan harga untuk kek yang ingin dijual dan seterusnya dapat memberi kemudahan untuk warga Mukah yang ingin berniaga. Menurut Herrmann et al. (2007) kepuasan pelanggan sangat berkait rapat dengan penetapan harga yang betul. Penetapan harga yang bersesuaian atau tepat akan menentukan kepuasan atau ketidakpuasan pelanggan dan dalam masa yang sama akan menentukan sama ada pelanggan akan terus membuat pembelian kedua atau tidak. Oleh demikian, aplikasi *Cakeculator* ini akan dihasilkan untuk memudahkan usahawan atau peniaga kek untuk menetapkan harga yang bersesuaian.

Cakeculator adalah hasil gabungan nama bagi *Cake* dan *Calculator*. *Cakeculator* ini telah diciptakan dengan menggunakan *Microsoft Excel* dan kemudiannya akan dijadikan sebagai aplikasi. Pengguna hanya perlu mengisi data-data seperti kuantiti bahan yang digunakan untuk menghasilkan sebuah kek dan seterusnya aplikasi ini akan mengira jumlah harga untuk bahan yang digunakan. Dengan adanya aplikasi ini akan memberi kesan yang baik kepada pengguna supaya mudah untuk menyusun atur modal untuk sesuatu pengeluaran dan untuk menetapkan harga yang sesuai. Aplikasi ini boleh didapati melalui telefon bimbit, komputer riba dan gajet-gajet lain dan di mana ianya senang untuk dimiliki oleh setiap

peniaga kek. Berikut merupakan gambaran aplikasi *Cakeculator*.

Fungsi utama aplikasi ini adalah untuk mengira bahan-bahan penghasilan sebuah kek. Manakala ciri-ciri seperti *Tips*, *Recipe* dan *Conversion* merupakan nilai tambah atau *value added* terhadap aplikasi *Cakeculator*.

1.1 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah:

- i. Untuk menilai tahap penerimaan aplikasi *Cakeculator* dalam kalangan penduduk Mukah.
- ii. Untuk menilai keberkesanan aplikasi *Cakeculator* dalam kalangan penduduk Mukah.

1.2 Skop Kajian

Skop kajian adalah tertumpu pada penduduk Mukah peniaga atau usahawan di Mukah, Sarawak yang menghasilkan kek sebagai produk perniagaan. Bagi yang mempunyai kedai *bakery* yang berlesen di Mukah, hanya ada 8 buah kedai sahaja manakala peniaga yang lain diperoleh melalui *Telegram* dan *Whatsapp group* jual beli Mukah.

2. Kajian Literatur

Menurut Estelami (1997), penentuan harga merupakan proses sesuatu yang akan diterima oleh individu atau sesebuah organisasi sebagai pertukaran untuk produknya. Harga merupakan jumlah yang dibayar oleh pembeli sebagai

pertukaran untuk mendapatkan produk atau perkhidmatan. Menurut Oliver (1997), kebanyakan harga dinilai oleh pengguna sesuai dengan perkhidmatan kualiti yang seterusnya akan mencetuskan kepuasan atau ketidakpuasan dalam kalangan pengguna. Pengguna akan terus membuat pembelian sekiranya ianya dirasakan adil dan sesuai dengan harga pengguna. Jadi melalui kajian lepas dibuat, penetapan harga yang sesuai dapat membantu peniaga untuk dapatkan pelanggan dan secara tidak langsung membantu perniagaan untuk beroperasi secara berterusan.

Manakala menurut Mahmud (2015), harga memainkan peranan strategik dalam pemasaran. Sekiranya harga yang ditetapkan terlalu tinggi, maka produk yang dimaksudkan akan tidak dapat dicapai oleh pasaran sasaran tertentu atau jumlah faedah diterima (nilai pelanggan) menjadi rendah. Namun sekiranya harga yang ditetapkan terlalu rendah, peniaga atau syarikat sukar mendapat keuntungan atau sebahagian pengguna merasakan kualiti produk adalah rendah. Oleh itu, harga boleh menjadi senjata strategik untuk bersaing dengan berkesan. Harga boleh disesuaikan atau diubah secara mendadak, bergantung pada apa yang hendak dicapai. Walau bagaimanapun, penetapan harga tepat adalah faktor penting dalam menentukan kejayaan seseorang peniaga atau sesebuah perniagaan dalam jangka pendek dan jangka panjang


3. Kajian Metodologi

Kajian ini adalah kajian berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan atau (*survey research*). Reka bentuk ini digunakan untuk melihat tahap penerimaan aplikasi *Cakeculator* dan untuk menilai keberkesanan aplikasi *Cakeculator* dalam kalangan penduduk Mukah. Reka bentuk ini dipilih adalah kerana ia adalah paling sesuai untuk mendapat maklumat data daripada sampel dalam saiz populasi yang besar. Menurut Konting (1998), kaedah tinjauan adalah sesuai digunakan dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku. Instrumen yang digunapakai adalah dengan menggunakan *Questionnaire* atau soal selidik. Soal selidik ini merupakan soal selidik skala Likert 5 yang diedarkan kepada 50 responden secara rawak melalui pendekatan ke kedai *bakery* dan melalui aplikasi *telegram* dan *whatsapp group* “Jual Beli Mukah”. Instrumen ini turut dipilih atas kekangan masa dan kawalan pergerakan daripada kerajaan disebabkan pandemik Covid-19.


3.1 Reka Bentuk/ Kajian

Aplikasi (juga dikenali sebagai aplikasi mudah alih) adalah program perisian yang dibangunkan untuk peranti mudah alih seperti telefon pintar dan


tablet. Reka bentuk bagi aplikasi kami boleh didapati melalui telefon pintar atau tablet. Fungsi utama adalah untuk mengira bahan-bahan penghasilan sebuah kek. Manakala ciri-ciri seperti *Tips*, *Recipe* dan *Conversion* merupakan nilai tambah terhadap aplikasi *Cakeculator*.



Rajah 1: Logo aplikasi dalam telefon pintar



Rajah 2: Aplikasi dalam telefon pintar




Rajah 3: Pemilihan pelbagai resepi kek

4. Dapatan Kajian

Di dalam bab 4 ini merupakan perbincangan dan dapatan kajian. Untuk mendapatkan data daripada responden, kajian ini telah menggunakan kaedah "google forms" untuk mendapatkan maklum balas responden. Terdapat 10 soalan untuk dijawab oleh para responden di dalam google forms yang telah diedarkan. Kajian ini disasarkan kepada penduduk di Mukah khususnya peniaga-peniaga kek untuk memberi maklum balas tentang penggunaan aplikasi *Cakeculator* ini.

Adakah anda mengalami masalah dalam membuat pengiraan harga bahan sesuatu kek atau kuih?




Rajah 4: Responden dari 50 orang penduduk Mukah

Berdasarkan Rajah 5, 76 peratus daripada responden pernah membuat jualan kek atau kuih muih tidak kira dari segi jualan *online* mahupun jualan secara langsung. Ini bermaksud kebanyakan penduduk warga Mukah kini banyak melakukan pekerjaan seperti ini demi pendapatan harian mereka walaupun hanya membuat jualan kuih muih atau kek secara kecil-kecilan ataupun secara besar-besaran seperti membuka kedai *bakery* sendiri.

Hanya 24% daripada responden yang menjawab soal selidik yang diedarkan tidak pernah membuat jualan kuih atau kek.


Adakah anda pernah membuat jualan kek atau kuih muih?
50 responses



Rajah 5: Jualan kek atau kuih-muih

Merujuk kepada Rajah 4, responden dari 50 orang penduduk warga Mukah, 90% daripada responden mengalami masalah dalam pengiraan jumlah harga bahan bagi setiap bahan kek yang diperlukan.


Adakah aplikasi ini membantu menyelesaikan masalah pengiraan anda ?



Rajah 6: Kebolehan penyelesaian masalah

Merujuk kepada Rajah 5, soalan ini adalah untuk menilai tahap penerimaan aplikasi *Cakeculator*. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa semua responden bersetuju bahawa aplikasi *Cakeculator* ini dapat membantu menyelesaikan masalah penetapan harga bagi kek yang dihasilkan.


Adakah aplikasi ini sesuai untuk semua peringkat umur?
50 responses



Berdasarkan Rajah 6, ianya menunjukkan

peratus tentang kesesuaian aplikasi *Cakeculator* ini kepada semua peringkat umur. Dengan kata lain, aplikasi ini adalah untuk melihat sama ada aplikasi ini mudah digunakan atau tidak. Peratus yang tinggi dengan catatan 86 peratus menunjukkan responden setuju akan aplikasi ini digunakan oleh pelbagai peringkat umur. Hanya 14% sahaja responden tidak setuju dengan pernyataan yang diajukan.

Adakah anda akan membantu mempromosikan aplikasi kami ini kepada orang ramai?



Rajah 8: Kebolehpasaran aplikasi *Cakeculator*

Merujuk Rajah 8 ini, kesemua responden bersetuju akan membantu mempromosikan aplikasi ini sekiranya ianya dibangunkan dan dipasarkan. Pernyataan ini membuktikan kebolehpasaran aplikasi *Cakeculator*.

5. Cadangan dan Kesimpulan

Dapatan kajian mendapati 90% responden yang terdiri daripada penduduk di Mukah sangat bersetuju dengan penggunaan aplikasi *Cakeculator* ini dan bersetuju bahawa aplikasi ini boleh membantu menyelesaikan masalah dalam pengiraan harga bahan bagi setiap bahan kek atau kuih muih. Sehubungan dengan itu, dengan penghasilan aplikasi *Cakeculator* ini secara tidak langsung ianya dapat membantu pengguna atau peniaga-peniaga kek yang memerlukan aplikasi *Cakeculator* ini untuk mendapatkan pengiraan yang tepat. Selain itu, aplikasi ini dapat membentuk satu pengurusan yang lebih sistematik berbanding dengan sistem yang lain. Pernyataan ini disokong melalui pernyataan yang dibuat oleh, Mahmud (2015), di mana harga boleh menjadi senjata

strategik untuk bersaing dengan berkesan.

Kajian ini mempunyai beberapa limitasi disebabkan faktor masa dan kawalan pergerakan yang disebabkan pandemik covid-19. Walaubagaimanapun, kajian ini telah membuktikan bahawa tahap penerimaan dan tahap keberkesanan aplikasi ini dalam kalangan penduduk Mukah berada di tahap yang baik. Diharapkan kajian awal ini akan dapat membantu untuk membentuk semula atau membuat penambahbaikan ke atas aplikasi yang dihasilkan dan secara tidak langsung memberi impak yang baik terhadap komuniti Mukah.

References

- Dolan, R. J., Doan, R. J., & Simon, H. (1996). *Power pricing*. Simon and Schuster.
- Estelami, H. (1996). *Consumer perceptions of multi-dimensional prices*. Columbia University.
- Herrmann, A., Xia, L., Monroe, K. B., & Huber, F. (2007). The influence of price fairness on customer satisfaction: an empirical test in the context of automobile purchases. *Journal of product & brand management*.
- Konting, M. M. (1998). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, 96.
- Mahmud, M. (2005). *Pengantar Pemasaran Modern*. Akademi Manajemen Perusahaan YKPN.
- Mayuri K. (2017). Economic discussion. Diakses September 10, 2021, daripada <https://www.economicdiscussion.net/pricing/importance-of-pricing/31838>.
- McCarthy, E. J. (2007). *Master business formula*. Oxford.
- Oliver, R. L. (1999). Whence consumer loyalty?. *Journal of marketing*, 63(4_suppl1), 33-44.
- Rao, A. R., & Monroe, K. B. (1989). The effect of price, brand name, and store name on buyers' perceptions of product quality: An integrative review. *Journal of marketing Research*, 26(3), 351-357.